

Mahathir ucap tahniah kepada PLUS

0.11 - 8 FEB 1994

KUALA LUMPUR 7 Feb. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengucapkan tahniah kepada Projek Lebuh Raya Utara-Selatan (PLUS) kerana berjaya menyiapkan keseluruhan fasa Lebuh Raya Utara-Selatan lebih awal dari tarikh yang ditetapkan.

"Saya mengucapkan tahniah kepada PLUS kerana berjaya menyiapkan pembinaan lebih awal meskipun menghadapi masalah," katanya.

Menurut Perdana Menteri, Projek Lebuh Raya Utara-Selatan merupakan satu kejayaan kepada negara, tetapi menegaskan apa yang lebih penting ialah "siap awal bermakna perolehan yang lebih awal".

"Kita memang hendak syarikat yang agresif macam ini (PLUS) di negara kita," kata beliau.

Dr. Mahathir berkata demikian ketika ditanya oleh para pemberita selepas beliau mendengar taklimat khas berhubung pencapaian Kumpulan Industri Malaysia-Kerajaan Bagi Industri Berteknologi Tinggi (MIGHT) yang disampaikan oleh Pengerusi Bersama MIGHT, Datuk Dr. Omar Abdul Rahman di Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini hari ini.

Turut hadir pada taklimat itu ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Lebuh Raya Utara-Selatan, yang siap sepenuhnya hari ini dianggap sebagai salah satu yang terbaik di rantau ini.

Banyak manfaat

Pembukaan fasa terakhir hari ini dilakukan di persimpangan Tapah-Gopeng sepanjang 30.3 kilometer oleh Yang di-Pertuan Agong, Sultan Azlan Shah.

Sabtu lalu, fasa yang menghubungkan Changkat Jering-Butterworth sejauh 80 kilometer dibuka dengan rasminya oleh Anwar.

Pembukaan fasa itu melegakan para pengguna kerana mereka tidak perlu lagi melalui jalan raya persekutuan yang sempit dan sentiasa penuh dengan lori.

Dalam hubungan ini, Dr. Mahathir berkata, sekiranya projek itu dilakukan oleh kerajaan, yang tidak berorientasikan keuntungan, sudah tentu lebuhraya itu tidak akan siap awal, malah mungkin akan siap lebih lewat daripada jadual asal.

Oleh itu, Perdana Menteri berkata, ia menunjukkan penswastaan membawa banyak manfaat kepada rakyat dan kerajaan.

"Bila mereka untung banyak, kerajaan akan dapat mengutip cukai yang banyak dan akhirnya dibelanjakan untuk kegunaan rakyat juga," kata beliau.

Mengenai bayaran tol, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan terus mengawal kadar bayaran sekarang supaya tidak membebankan pengguna.

"Sebenarnya, kadar tol di negara ini jauh lebih rendah berbanding di negara-negara lain yang kualiti jalannya lebih kurang sama dengan di negara ini," kata beliau. Menurutnya, kadar bayaran tol sekarang adalah munasabah.

Beliau menarik perhatian bahawa memang telah menjadi tabiat manusia yang sentiasa mahukan perkhidmatan yang terbaik, tetapi pada masa yang sama mahu membuat bayaran paling rendah untuk perkhidmatan itu.